

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. ISMAIL BIN DAUT
(MERBOK)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 22.03.2016

Y.B. DR. ISMAIL BIN DAUT [MERBOK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan prestasi semasa terbitan Sukuk Malaysia serta unjurannya untuk tempoh 5 tahun akan datang menjelang tahun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana sedia maklum, dalam persekitaran ekonomi global dan aliran dana antarabangsa yang tidak menentu sejak beberapa tahun

kebelakangan ini, prestasi pasaran modal termasuk pasaran sukuk turut terjejas. Pada tahun 2015, terbitan sukuk dalam pasaran sukuk global telah berkurang kepada USD66 bilion berbanding USD118.84 bilion pada tahun 2014. Ini juga disebabkan oleh sentimen yang lemah terhadap pasaran kewangan serta kesan penurunan harga minyak mentah global. Walau bagaimanapun, Malaysia kekal mendahului dalam aspek inovasi dan pembangunan sukuk sebagai peneraju dalam pasaran sukuk global, merangkumi USD174.41 bilion atau 54.3% daripada jumlah sukuk global terkumpul pada akhir 2015. Selain itu, Malaysia masih mengekalkan kedudukan teratas dalam penerbitan sukuk dengan syer pasaran merangkumi 53% bernilai USD34.8 bilion sehingga akhir 2015. Di peringkat global juga, sukuk diterbitkan menggunakan 12 jenis mata wang yang berbeza dan ringgit kekal sebagai mata wang pilihan utama yang merangkumi 39% daripada jumlah terbitan, diikuti dengan dolar Amerika sebanyak 32% dan rupiah Indonesia sebanyak 9%.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat,

2. Pasaran modal Malaysia telah berkembang dalam pelbagai aspek,

termasuk rangkaian produk dan perkhidmatan, bilangan dan kepelbagaian pihak yang berkepentingan, infrastruktur dan keupayaan, jangkauan geografi serta perkembangan modal insan. Terbitan sukuk bernilai USD500 juta bertempoh matang 30-tahun merupakan sukuk berdaulat paling lama di dunia yang pernah diterbitkan oleh mana-mana negara. Selain itu, Khazanah Nasional Bhd telah muncul sebagai entiti pertama yang berjaya menawarkan sukuk Inisiatif Tanggungjawab Sosial yang pertama di bawah Kerangka Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) bernilai RM100 juta pada 2 Jun 2015. Kepakaran Malaysia yang diiktiraf dalam pasaran sukuk juga terbukti dengan pelantikan bank Malaysia sebagai pangatur dan pengurus utama untuk terbitan sukuk berdaulat negara lain seperti United Kingdom, Hong Kong, Turki dan Indonesia.

Tuan Yang Di-Pertua,

3. Pembangunan kewangan Islam antarabangsa pada tahun 2016 dijangka agak mencabar disebabkan oleh kebimbangan pelabur terhadap kejatuhan berterusan harga minyak mentah global, perubahan dalam

pengawalseliaan antarabangsa dan sentimen negatif geopolitik. Namun begitu, pasaran sukuk antarabangsa dijangka terus berkembang pada 2016, disokong oleh jumlah terbitan yang dianggarkan bernilai di antara USD55 bilion dan USD60 bilion. Selain itu, negara seperti Tunisia, Nigeria, Korea Selatan, Sepanyol, Kenya, Filipina, Thailand dan Kazakhstan juga telah menunjukkan minat yang tinggi terhadap terbitan sukuk berdaulat. Dari segi prestasi pasaran sukuk domestik untuk tempoh yang lebih lama, pasaran sukuk Malaysia akan disokong di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 menerusi peruntukan siling perbelanjaan pembangunan sejumlah RM260 bilion bermula pada tahun 2016 sehingga 2020.

Justeru, pada masa akan datang, pasaran modal, khususnya pasaran sukuk Malaysia dijangka akan terus menjadi sumber penting dalam penjanaaan dana bagi negara. Oleh itu, Malaysia sebagai negara peneraju dalam sistem kewangan Islam giat meneroka instrumen sukuk yang lebih inovatif selaras dengan Pelan Induk Pasaran Modal negara.